



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SITS 2025

**STATISTIK PERDAGANGAN
PERKHIDMATAN ANTARABANGSA**

*STATISTICS OF INTERNATIONAL
TRADE IN SERVICES*

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA

STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES

2025

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema **"Data Nadi Ekonomi Rakyat"**. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung **dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed **"Data Nadi Ekonomi Rakyat"**. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.*

***Malaysia** has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.*

***OpenDOSM NextGen** is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics, Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook / Twitter / Instagram / Youtube : StatsMalaysia

E-mel / E-mail : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)

data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data /
data request & enquiries)

Harga / Price : RM15.00

Diterbitkan pada Jun 2026 / *Published on June 2026.*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2462-1099

KATA PENGANTAR

Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa memaparkan eksport dan import perkhidmatan di bawah Statistik Imbangan Pembayaran (BOP) bagi siri tahun 2014 hingga 2025. Statistik ini meliputi semua komponen perkhidmatan selaras dengan garis panduan dalam Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6), International Monetary Fund (IMF) dan Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010, United Nations.

Statistik mengikut subkomponen dan negara rakan dagang utama dirangkumkan dalam penerbitan ini. Penerbitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama memaparkan ringkasan penemuan bagi tahun 2025 sementara jadual statistik terperinci dipaparkan pada bahagian kedua. Aspek teknikal seperti konsep, metodologi dan definisi pula dimuatkan pada bahagian akhir.

Statistik eksport dan import perkhidmatan boleh digunakan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan dapat membantu merancang pembangunan perniagaan.

Jabatan merakamkan penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Sebarang maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Jun 2026

PREFACE

Statistics of International Trade in Services presents the exports and imports of services under the Balance of Payments (BOP) statistics for the series of 2014 to 2025. The statistics covers all components of the services in accordance with the guidelines of the Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition (BPM6) of the International Monetary Fund (IMF) in accordance with the Manual on Statistics of International Trade in Services (MSITS) 2010 of United Nations.

Statistics by subcomponents and major trading partner countries are included in this publication. The publication is divided into three parts. The first part presents the findings for 2025 while detailed statistics tables are provided in the second part. Technical aspects such as concepts, methodologies and definitions are included in the final part.

The exports and imports of services statistics is used by government agencies, economists, academicians as well as individuals for the purpose of policy planning and formulations, economic analysis, projections and to assist in business development planning.

The Department acknowledges the cooperation of all parties that have provided the required data and contributed to the success of this publication. Any feedback and suggestions towards improving the future publications are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

June 2026

ISI KANDUNGAN CONTENTS

i

Kata Pengantar

Preface

01

Penemuan Utama

Main Findings

03

Ringkasan Penemuan

Summary of Findings

19

Artikel

Article

45

Jadual Statistik

Statistical Tables

46 Eksport Perkhidmatan mengikut Komponen

Exports of Services by Components

47 Peratus Sumbangan Eksport Perkhidmatan mengikut Komponen

Percentage Share of Exports of Services by Components

48 Import Perkhidmatan mengikut Komponen

Imports of Services by Components

49 Peratus Sumbangan Import Perkhidmatan mengikut Komponen

Percentage Share of Imports of Services by Components

50 Imbangan Perdagangan Perkhidmatan mengikut Komponen

Balance of Trade in Services by Components

51 Eksport Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama

Exports of Services by Major Trading Partner Countries

52 Peratus Sumbangan Eksport Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama

Percentage Share of Exports of Services by Major Trading Partner Countries

53 Import Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama

Imports of Services by Major Trading Partner Countries

54 Peratus Sumbangan Import Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama

Percentage Share of Imports of Services by Major Trading Partner Countries

55 Imbangan Perdagangan Perkhidmatan mengikut Negara Utama

Balance of Trade in Services by Major Countries

56 Eksport dan Import Perkhidmatan mengikut Negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

Exports and Imports of Services by Organisation of Islamic Cooperation (OIC) Countries

57 Peratus Sumbangan Eksport dan Import Perkhidmatan mengikut Negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

Percentage Share of Exports and Imports of Services by Organisation of Islamic Cooperation (OIC) Countries

58 Eksport Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama dan Komponen

Exports of Services by Major Trading Partner Countries and Components

60 Import Perkhidmatan mengikut Negara Rakan Dagang Utama dan Komponen

Imports of Services by Major Trading Partner Countries and Components

63

Jadual Siri Masa, 2014 - 2019

Time Series Tables, 2014 -2019

69

Nota Teknikal


Technical Notes



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.



STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA (SITS) 2025



IMBANGAN PERDAGANGAN

RM5.3b

(2024: -RM12.6b)



JUMLAH PERDAGANGAN

RM550.5b

(2024: RM493.6b)

KOMPONEN UTAMA

EKSPORT

2025: RM277.9b
(2024: RM240.5b)



PERJALANAN

2025: RM110.6b
2024: RM95.4b



PERKHIDMATAN PERNIAGAAN LAIN

2025: RM49.6b
2024: RM42.5b



PENGANGKUTAN

2025: RM37.7b
2024: RM34.8b



PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI, KOMPUTER & MAKLUMAT

2025: RM31.0b
2024: RM22.2b



PERKHIDMATAN PEMBUATAN

2025: RM22.6b
2024: RM21.5b

IMPORT

2025: RM272.6b
(2024: RM253.1b)



PENGANGKUTAN

2025: RM66.9b
2024: RM64.6b



PERJALANAN

2025: RM62.2b
2024: RM57.3b



PERKHIDMATAN PERNIAGAAN LAIN

2025: RM59.6b
2024: RM54.8b



PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI, KOMPUTER & MAKLUMAT

2025: RM28.7b
2024: RM25.6b



PERKHIDMATAN INSURANS & PENCEN

2025: RM12.7b
2024: RM12.8b

RAKAN DAGANG UTAMA



SINGAPURA

EKSPORT: RM76.3b
IMPORT: RM51.1b



AMERIKA SYARIKAT

EKSPORT: RM42.9b
IMPORT: RM81.2b



CHINA

EKSPORT: RM27.8b
IMPORT: RM17.2b

DAGANGAN DENGAN ASEAN



EKSPORT:
RM108.7b



IMPORT:
RM72.6b

Nota: b merujuk kepada bilion.

Sumber: Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (SITS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)




@StatsMalaysia





STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES (SITS) 2025



BALANCE OF TRADE

RM5.3b

(2024: -RM12.6b)



TOTAL TRADE

RM550.5b

(2024: RM493.6b)

MAIN COMPONENTS

EXPORTS

2025: RM277.9b
(2024: RM240.5b)



TRAVEL

2025: RM110.6b
2024: RM95.4b



OTHER BUSINESS SERVICES

2025: RM49.6b
2024: RM42.5b



TRANSPORT

2025: RM37.7b
2024: RM34.8b



TELECOMMUNICATIONS, COMPUTER & INFORMATION SERVICES

2025: RM31.0b
2024: RM22.2b



MANUFACTURING SERVICES

2025: RM22.6b
2024: RM21.5b

IMPORTS

2025: RM272.6b
(2024: RM253.1b)



TRANSPORT

2025: RM66.9b
2024: RM64.6b



TRAVEL

2025: RM62.2b
2024: RM57.3b



OTHER BUSINESS SERVICES

2025: RM59.6b
2024: RM54.8b



TELECOMMUNICATIONS, COMPUTER & INFORMATION SERVICES

2025: RM28.7b
2024: RM25.6b



INSURANCE & PENSION SERVICES

2025: RM12.7b
2024: RM12.8b

TOP TRADING PARTNERS



SINGAPORE

EXPORTS: RM76.3b
IMPORTS: RM51.1b



UNITED STATES OF AMERICA

EXPORTS: RM42.9b
IMPORTS: RM81.2b



CHINA

EXPORTS: RM27.8b
IMPORTS: RM17.2b

TRADING WITH ASEAN



EXPORTS:
RM108.7b



IMPORTS:
RM72.6b

Note: b refers to billion.


Source: Statistics of International Trade in Services (SITS), Department of Statistics Malaysia (DOSM)



PENEMUAN PERDAGANGAN PERKHIDMATAN MALAYSIA

“Jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia merekodkan **RM550.5 bilion** pada 2025, merangkumi **27.2 peratus** daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)”

Carta 1: Eksport, Import dan Imbangan Perdagangan Perkhidmatan (RM bilion), 2019-2025



Jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia meningkat sebanyak 11.5 peratus kepada RM550.5 bilion pada tahun 2025 (2024: RM493.6 bilion) menyumbang kepada 27.2 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga semasa. Eksport perkhidmatan meningkat sebanyak 15.6 peratus kepada RM277.9 bilion berbanding RM240.5 bilion pada tahun sebelumnya (**Carta 1**). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh Perjalanan, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat dan Perkhidmatan perniagaan lain. Pada masa yang sama, import meningkat kepada RM272.6 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 7.7 peratus daripada RM253.1 bilion pada tahun 2024, terutamanya disumbangkan oleh Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain dan Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat. Seiring dengan pertumbuhan eksport yang mengatasi pertumbuhan import, perdagangan perkhidmatan Malaysia merekodkan lebih sebanyak RM5.3 bilion pada tahun 2025 sekali gus mencatat perubahan ketara berbanding defisit RM12.6 bilion yang direkodkan pada tahun 2024.

KOMPONEN UTAMA PERKHIDMATAN

Komponen utama bagi eksport perkhidmatan ialah Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain, Pengangkutan, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat serta Perkhidmatan pembuatan. Lima komponen ini menyumbang 90.5 peratus daripada jumlah eksport perkhidmatan pada tahun 2025 (2024: 90.0%). Sementara itu, komponen utama import terdiri daripada Pengangkutan, Perjalanan,

Perkhidmatan perniagaan lain, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat, serta Insurans dan pencen, yang merangkumi 84.4 peratus daripada jumlah import perkhidmatan (2024: 85.0%), seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 1**.

Paparan 1: Eksport dan Import mengikut Komponen Perkhidmatan Utama, 2025

EKSPORT: RM277.9b



Perjalanan

RM110.6b (39.8%)



Perkhidmatan perniagaan lain

RM49.6b (17.9%)



Pengangkutan

RM37.7b (13.6%)



Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat

RM31.0b (11.1%)



Perkhidmatan pembuatan

RM22.6b (8.1%)

IMPORT: RM272.6b



Pengangkutan

RM66.9b (24.5%)



Perjalanan

RM62.2b (22.8%)



Perkhidmatan perniagaan lain

RM59.6b (21.9%)



Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat

RM28.7b (10.5%)




Perkhidmatan insurans dan pencen

RM12.7b (4.7%)

PERJALANAN

Carta 2: Eksport dan Import bagi Perjalanan, 2019-2025



Nota: b: bilion, %: sumbangan, sebarang perbezaan dalam data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran.

Paparan 2: Eksport dan Import bagi Perjalanan mengikut Subkomponen, 2025




Eksport Perjalanan mencatat prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2025 dengan merekodkan paras tertinggi baharu, meningkat sebanyak 16.0 peratus kepada RM110.6 bilion berbanding RM95.4 bilion pada tahun 2024. Sementara itu, import Perjalanan meningkat sebanyak 8.6 peratus kepada RM62.2 bilion, berbanding RM57.3 bilion pada tahun sebelumnya (**Carta 2**). Lebih bersih bagi Perjalanan meningkat kepada RM48.4 bilion pada tahun 2025 berbanding RM38.1 bilion pada tahun 2024

Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh subkomponen peribadi yang menyumbang RM99.0 bilion dalam eksport dan RM53.9 bilion dalam import. Subkomponen perniagaan menyumbang bahagian yang lebih kecil dalam keseluruhan komponen Perjalanan dengan merekodkan RM11.6 bilion bagi eksport dan RM8.3 bilion bagi import (**Paparan 2**).

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN LAIN

Carta 3: Eksport dan Import bagi Perkhidmatan Perniagaan Lain (RM bilion), 2019-2025



Perkhidmatan perniagaan lain mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM7.0 bilion pada tahun 2025 berbanding defisit RM12.3 bilion pada tahun 2024. Eksport terus meningkat kepada RM49.6 bilion daripada RM42.5 bilion pada tahun sebelumnya, manakala import bertambah kepada RM59.6 bilion (2024: RM54.8 bilion) seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 3**.

Paparan 3: Eksport dan Import bagi Perkhidmatan Perniagaan Lain, mengikut Subkomponen, 2025




Nota: b: bilion,

Dari segi subkomponen, Perkhidmatan profesional dan rundingan pengurusan mencatatkan nilai eksport tertinggi sebanyak RM25.2 bilion pada tahun 2025, diikuti oleh Perkhidmatan teknikal, berkaitan perdagangan dan perniagaan lain (RM20.5 bilion) serta Perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan (RM4.0 bilion). Sementara itu, import didominasi oleh Perkhidmatan teknikal, berkaitan perdagangan dan perniagaan lain sebanyak RM26.6 bilion, diikuti oleh Perkhidmatan profesional dan rundingan pengurusan (RM16.9 bilion) serta Perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan (RM16.1 bilion), seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 3**.


PENGANGKUTAN

Carta 4: Eksport dan Import bagi Pengangkutan (RM bilion), 2019-2025



Pengangkutan mencatatkan defisit yang lebih rendah RM29.2 bilion pada tahun 2025 berbanding RM29.9 bilion pada tahun sebelumnya. Eksport Pengangkutan melonjak sebanyak 8.4 peratus daripada RM34.8 bilion kepada RM37.7 bilion pada tahun 2025 (**Carta 4**), terutamanya didorong oleh peningkatan hasil bagi semua mod pengangkutan. Pengangkutan udara mendahului eksport Pengangkutan dengan RM21.8 bilion diikuti oleh Pengangkutan laut (RM10.3 bilion) dan mod lain (RM5.6 bilion). Sementara itu, import Pengangkutan meningkat sebanyak 3.5 peratus daripada RM64.6 bilion kepada RM66.9 bilion disebabkan oleh bayaran bagi Pengangkutan udara (RM31.1 bilion) diikuti oleh Pengangkutan laut (RM27.9 bilion) seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 4**.

Paparan 4: Eksport dan Import bagi Pengangkutan, mengikut Subkomponen, 2025




Nota: b: bilion,


PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI, KOMPUTER DAN MAKLUMAT

Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM2.3 bilion pada tahun 2025 berbanding defisit RM3.4 bilion pada tahun 2024 (**Carta 5**). Eksport meningkat 39.5 peratus kepada RM31.0 bilion daripada RM22.2 bilion pada tahun sebelumnya, manakala import bertambah 12.1 peratus kepada RM28.7 bilion (2024: RM25.6 bilion). Subkomponen Perkhidmatan komputer kekal sebagai penyumbang terbesar kepada eksport dan import dengan nilai masing-masing sebanyak RM15.7 bilion dan RM14.0 bilion, diikuti oleh Perkhidmatan maklumat dan Perkhidmatan telekomunikasi (**Paparan 5**).

Carta 5: Eksport dan Import bagi Perkhidmatan Telekomunikasi, Komputer dan Maklumat, 2019-2025



Paparan 5: Eksport dan Import bagi Perkhidmatan Telekomunikasi, Komputer dan Maklumat mengikut Subkomponen, 2025




PERKHIDMATAN PEMBUATAN

Perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain mencatatkan lebih yang lebih rendah sebanyak RM16.1 bilion pada tahun 2025 berbanding lebih RM16.4 bilion pada tahun 2024. Eksport meningkat 5.3 peratus kepada RM22.6 bilion daripada RM21.5 bilion pada tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 6**. Sementara itu, import Perkhidmatan pembuatan bertambah 30.3 peratus kepada RM6.6 bilion (2024: RM5.1 bilion).

Nota: b: bilion,


Carta 6: Eksport dan Import bagi Perkhidmatan Pembuatan, 2019-2025




LAIN-LAIN KOMPONEN PERKHIDMATAN

Paparan 6: Eksport dan Import bagi Lain-lain Komponen Perkhidmatan, 2025

Eksport: RM26.3 bilion



Import: RM42.6 bilion




Nota: b: bilion, %: sumbangan, sebarang perbezaan dalam data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran.

Eksport bagi lain-lain komponen perkhidmatan meningkat kepada RM26.3 bilion (2024: RM24.1 bilion), terutamanya disokong oleh peningkatan dalam Perkhidmatan penyenggaraan & pembaikan, Insurans dan pencen serta Perkhidmatan persendirian, kebudayaan & rekreasi. Sementara itu, import bagi perkhidmatan lain merekodkan RM42.6 bilion berbanding RM38.0 bilion pada tahun 2024. Peningkatan ini kebanyakannya didorong oleh Caj penggunaan harta intelek t.t.t.l, Perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan t.t.t.l dan Perkhidmatan pembuatan (**Paparan 6**).

RANTAU DAGANG UTAMA

Asia kekal sebagai destinasi utama bagi eksport perkhidmatan Malaysia pada tahun 2025 dengan merekodkan 66.8 peratus daripada jumlah eksport, terutamanya didorong oleh Perjalanan, Pengangkutan dan Perkhidmatan perniagaan lain. Pasaran kedua terbesar ialah benua Amerika yang menyumbang 16.7 peratus, diikuti oleh Eropah sebanyak 12.3 peratus seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 7**. Pada masa yang sama, Asia juga merupakan sumber utama import perkhidmatan dengan menyumbang 52.3 peratus atau RM142.6 bilion, diikuti oleh benua Amerika sebanyak 30.5 peratus dan Eropah 15.3 peratus.

Paparan 7: Eksport dan Import mengikut Rantau, 2025



Nota: b: bilion, %: sumbangan, sebarang perbezaan dalam data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran.

EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT NEGARA DAGANG UTAMA

Paparan 8: Eksport, Import dan Peratus Sumbangan mengikut Negara Rakan Dagang Utama, 2025



Singapura kekal sebagai destinasi utama bagi eksport perkhidmatan Malaysia pada tahun 2025 dengan nilai RM76.3 bilion atau menyumbang 27.4 peratus daripada jumlah eksport perkhidmatan. Eksport ini tertumpu terutamanya dalam Perjalanan, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat serta Pengangkutan. Destinasi eksport seterusnya ialah Amerika Syarikat yang menyumbang RM42.9 bilion atau 15.4 peratus daripada jumlah eksport perkhidmatan, yang merangkumi terutamanya Perkhidmatan pembuatan, Perkhidmatan perniagaan lain dan Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat (**Paparan 8**).


Bagi import pula, Amerika Syarikat kekal sebagai sumber import perkhidmatan terbesar Malaysia dengan nilai RM81.2 bilion atau 29.8 peratus daripada jumlah import perkhidmatan. Perkhidmatan utama yang diimport termasuk Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain dan Pengangkutan. Singapura merupakan sumber kedua terbesar dengan nilai import sebanyak RM51.1 bilion atau 18.7 peratus yang sebahagian besarnya didorong oleh Pengangkutan, Perjalanan dan Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat (**Paparan 8**).

Nota: b: bilion, %: sumbangan, sebarang perbezaan dalam data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran.

HIGHLIGHTS OF MALAYSIA'S TRADE IN SERVICES

*“Malaysia’s total trade in services recorded **RM550.5 billion** in 2025, representing **27.2 per cent** of the **Gross Domestic Product (GDP)**”*

Chart 1: Exports, Imports and Balance of Trade in Services (RM billion), 2019-2025



Malaysia's total trade in services increased by 11.5 per cent to RM550.5 billion in 2025 (2024: RM493.6 billion), contributing 27.2 per cent to the Gross Domestic Product (GDP) at current prices. Exports of services grew by 15.6 per cent to RM277.9 billion, compared to RM240.5 billion in the previous year (**Chart 1**). This growth was largely driven by Travel, Telecommunications, computer and information services and Other business services. Concurrently, imports rose to RM272.6 billion, an increase of 7.7 per cent from RM253.1 billion in 2024, attributed to Travel, Other business services and Telecommunications, computer and information services. As export growth continued to outpace imports, Malaysia's trade in services recorded a surplus of RM5.3 billion in 2025, marking a significant turnaround from the RM12.6 billion deficit recorded in 2024.

MAJOR SERVICES COMPONENTS

The main components of services exports were Travel, Other business services, Transport, Telecommunications, computer and information services and Manufacturing services. These five components accounted for 90.5 per cent of total services exports in 2025 (2024: 90.0%). Meanwhile, the main components of imports were Transport, Travel, Other business services, Telecommunications,

computer and information services, and Insurance and pension services, constituted 84.4 per cent of total services imports (2024: 85.0%), as shown in **Exhibit 1**.

Exhibit 1: Exports and Imports by Major Services Components, 2025

EXPORTS: RM277.9b



Travel

RM110.6b (39.8%)



Other business services

RM49.6b (17.9%)



Transport

RM37.7b (13.6%)



Telecommunications, computer and information services

RM31.0b (11.1%)



Manufacturing services

RM22.6b (8.1%)

IMPORTS: RM272.6b



Transport

RM66.9b (24.5%)



Travel

RM62.2b (22.8%)



Other business services

RM59.6b (21.9%)



Telecommunications, computer and information services

RM28.7b (10.5%)




Insurance and pension services

RM12.7b (4.7%)


TRAVEL

Chart 2: Exports and Imports of Travel, 2019-2025



Notes: b: billion, %: share, any differences in the aggregated data are due to rounding

Exhibit 2: Exports and Imports of Travel by Subcomponents, 2025




Travel component continued its strong performance in 2025, attaining a new record high with exports expanding by 16.0 per cent to RM110.6 billion compared to RM95.4 billion in 2024. Meanwhile, travel imports increased by 8.6 per cent to RM62.2 billion from RM57.3 billion in the previous year (**Chart 2**). Subsequently, the net travel surplus widened to RM48.4 billion in 2025, up from RM38.1 billion in 2024.

The expansion was mainly driven by personal travel, which contributed RM99.0 billion in exports and RM53.9 billion in imports. Business travel continued to account for a relatively smaller share of the travel component, recording RM11.6 billion in exports and RM8.3 billion in imports (**Exhibit 2**).

OTHER BUSINESS SERVICES

Chart 3: Exports and Imports of Other Business Services (RM billion), 2019-2025



Other business services recorded a lower deficit of RM7 billion in 2025, compared with a deficit of RM12.3 billion in 2024. Exports increased further to RM49.6 billion from RM42.5 billion in the previous year, while imports rose to RM59.6 billion (2024: RM54.8 billion), as shown in **Chart 3**.

Exhibit 3: Exports and Imports of Other Business Services by Subcomponents, 2025




Notes: b: billion,

In terms of subcomponents, Professional and management consulting services recorded the highest export value at RM25.2 billion in 2025, followed by Technical, trade-related and other business services (RM20.5 billion) and Research and development services (RM4.0 billion). Meanwhile, imports were mainly contributed by Technical, trade-related and other business services at RM26.6 billion, followed by Professional and management consulting services (RM16.9 billion) and Research and development services (RM16.1 billion), as shown in **Exhibit 3**.

TRANSPORT

Chart 4: Exports and Imports of Transport (RM billion), 2019-2025



Transport showed a lower deficit of RM29.2 billion in 2025 compared to RM29.9 billion a year ago. Exports of Transport surged by 8.4 per cent from RM34.8 billion to RM37.7 billion in 2025 (**Chart 4**), predominantly driven by higher receipts across all modes of transport. Air transport led the exports with RM21.8 billion, followed by Sea transport (RM10.3 billion) and Other modes (RM5.6 billion). In the meantime, imports of Transport grew by 3.5 per cent from RM64.6 billion to RM66.9 billion driven by payments in Air transport (RM31.1 billion), followed by Sea transport (RM27.9 billion) as shown in **Exhibit 4**.

Exhibit 4: Exports and Imports of Transport by Subcomponents, 2025



Notes: b: billion,

TELECOMMUNICATIONS, COMPUTER AND INFORMATION SERVICES

Telecommunications, computer and information services recorded a trade surplus of RM2.3 billion in 2025, reversing from a deficit of RM3.4 billion in 2024 (**Chart 5**). Exports improved by 39.5 per cent to RM31.0 billion from RM22.2 billion in the previous year, while imports increased by 12.1 per cent to RM28.7 billion (2024: RM25.6 billion). Computer services remained the largest contributor to both exports and imports, amounting to RM15.7 billion and RM14.0 billion, respectively, followed by Information services and Telecommunications services (**Exhibit 5**).

Chart 5: Exports and Imports of Telecommunications, Computer and Information services, 2019-2025





Exhibit 5: Exports and Imports of Telecommunications, Computer and Information services by Subcomponents, 2025




MANUFACTURING SERVICES

Manufacturing services on physical inputs owned by others recorded a lower surplus of RM16.1 billion in 2025 compared with a surplus of RM16.4 billion in 2024. Exports increased by 5.3 per cent to RM22.6 billion from RM21.5 billion in the preceding year, as shown in **Chart 6**. Meanwhile, imports of Manufacturing services rose by 30.3 per cent to RM6.6 billion (2024: RM5.1 billion).

Notes: b: billion,

Chart 6: Exports and Imports of Manufacturing Services, 2019-2025



OTHER SERVICES COMPONENTS

Exhibit 6: Exports and Imports of Other Services Components, 2025

Exports: RM26.3 billion

Maintenance and repair services n.i.e RM9.8b (3.5%)	Personal, cultural and recreational services RM4.6b (1.6%)	Construction RM4.5b (1.6%)	Insurance and pension services RM3.3b (1.2%)	Financial services RM2.7b (1.0%)	Charges for the use of intellectual property n.i.e. RM1.0b (0.4%)	Government goods and services n.i.e RM0.4b (0.1%)

Imports: RM42.6 billion

Charges for the use of intellectual property n.i.e. RM11.4b (4.2%)	Maintenance and repair services n.i.e RM9.3b (3.4%)	Construction RM6.7b (2.5%)	Manufacturing services RM6.6b (2.4%)	Personal, cultural and recreational services RM4.9b (1.8%)	Financial services RM2.6b (1.0%)	Government goods and services n.i.e RM1.1b (0.4%)

Notes: b: billion, %: share, any differences in the aggregated data are due to rounding.

Exports of other services components increased to RM26.3 billion (2024: RM24.1 billion), primarily supported by the increment in Maintenance & repair services, Insurance and pension services and Personal, cultural & recreational services. Meanwhile, other services import totalled RM42.6 billion as opposed to RM38.0 billion in 2024. The increase was mostly driven by Charges for the use of intellectual property n.i.e., Maintenance and repair services and Manufacturing services (**Exhibit 6**).

MAJOR TRADING REGION

Asia remained to be the main destination for Malaysia's services exports in 2025, accounting for 66.8 per cent of total exports, largely driven by Travel, Transport, and Other business services. The second largest markets were the Americas, contributing 16.7 per cent, followed by Europe at 12.3 per cent, as shown in **Exhibit 7**. Similarly, Asia was also the top source of services imports, accounting for 52.3 per cent or RM142.6 billion, followed by the Americas with 30.5 per cent and Europe with 15.3 per cent.

Exhibit 7: Exports and Imports by Region, 2025



Notes: b: billion, %: share, any differences in the aggregated data are due to rounding.

EXPORTS AND IMPORTS BY MAJOR TRADING PARTNERS

Exhibit 8: Exports, Imports and Percentage Share by Major Trading Partners, 2025



Singapore remained the leading destination for Malaysia's services exports in 2025, accounting for RM76.3 billion or 27.4 per cent of total services exports. The exports were primarily concentrated in Travel, Telecommunications, computer and information services and Transport. This was followed by the United States of America (USA), with services exports amounting to RM42.9 billion or 15.4 per cent, mainly comprising Manufacturing services, Other business services, and Telecommunications, computer and information services (**Exhibit 8**).

As for imports, the USA remained Malaysia's largest source of services imports, with a total value of RM81.2 billion or 29.8 per cent of total services imports. Major imported services included Travel, Other business services and Transport. Singapore was the second largest source, recording imports of RM51.1 billion or 18.7 per cent, largely driven by Transport, Travel and Telecommunications, computer and information services (**Exhibit 8**).

Notes: b: billion, %: share, any differences in the aggregated data are due to rounding.

SITS 2025

STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA

STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES

ARTIKEL
ARTICLE



Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia 2025: Memperluas Perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital dalam Ekonomi Perkhidmatan yang Sedang Pulih

Pathmavathi Appulanaidu, Kumutha Shanmugam
Jabatan Perangkaan Malaysia

Abstrak

Artikel ini berkenaan perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital merentas sempadan Malaysia dalam kerangka yang lebih luas iaitu Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (ITS) bagi tahun 2025, disokong oleh tinjauan siri masa dari tahun 2019 hingga 2025. Analisis ini menggunakan jadual Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (SITS) yang diterbitkan, merangkumi eksport, import, imbalan perdagangan serta aliran perdagangan mengikut negara rakan dagang. Bagi analisis di peringkat nasional, perkhidmatan boleh disampaikan secara digital berdasarkan enam komponen perkhidmatan, iaitu Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat; Perkhidmatan perniagaan lain; Perkhidmatan kewangan; Caj bagi penggunaan harta intelek; Perkhidmatan insurans dan pencen; serta Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi. Bagi analisis mengikut negara rakan dagang, Jadual 13 dan Jadual 14 digunakan dengan mengagregatkan Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat; Perkhidmatan perniagaan lain; Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi; serta kategori Perkhidmatan lain, yang merangkumi perkhidmatan berkaitan kewangan, insurans dan harta intelek. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkhidmatan digital telah menjadi komponen penting dalam perdagangan perkhidmatan Malaysia. Pada tahun 2025, eksport perkhidmatan digital berjumlah RM92,243.2 juta, mewakili 33.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport perkhidmatan. Sementara itu, import perkhidmatan digital mencatatkan RM119,924.3 juta, bersamaan 44.0 peratus daripada jumlah keseluruhan import perkhidmatan. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital di Malaysia mempunyai hubungan yang rapat dengan pasaran serantau dan ekonomi maju, khususnya Singapura, Amerika Syarikat, Hong Kong, China, United Kingdom serta negara-negara ASEAN. Statistik yang direkodkan dalam artikel ini hendaklah ditafsirkan sebagai anggaran bagi perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital dan bukannya ukuran langsung perkhidmatan boleh disampaikan secara digital atau keseluruhan perdagangan digital.

1. Pengenalan

Pendigitalan telah mengubah cara perkhidmatan dihasilkan, disampaikan dan digunakan. Pelbagai jenis perkhidmatan kini boleh dibekalkan secara jarak jauh melalui rangkaian digital, platform dalam talian, infrastruktur pengkomputeran awan serta model perniagaan berasaskan data. Perkembangan ini telah memperluas skop perdagangan perkhidmatan merentas sempadan melangkaui aktiviti tradisional seperti perjalanan dan pengangkutan. Bagi Malaysia, perkhidmatan yang didayakan secara digital semakin penting kerana menyokong peluang pekerjaan bernilai tinggi, penglibatan dalam rantai nilai global, inovasi serta peningkatan produktiviti.

Perdagangan perkhidmatan Malaysia terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2025, disokong oleh pemulihan dalam perjalanan, permintaan yang berdaya tahan bagi pengangkutan serta perkembangan perkhidmatan berkaitan perniagaan. Pada masa yang sama, satu perkembangan yang lebih bersifat struktur ialah peningkatan perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital. Perkhidmatan ini merangkumi perkhidmatan komputer, perkhidmatan maklumat, perkhidmatan profesional dan perundingan pengurusan, penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan kewangan, caj bagi penggunaan harta intelek, perkhidmatan insurans serta perkhidmatan peribadi, kebudayaan dan rekreasi terpilih. Berbeza dengan komponen perjalanan yang bergantung kepada pergerakan individu, perkhidmatan boleh disampaikan secara digital boleh dieksport dan diimport melalui rangkaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Objektif artikel ini adalah untuk membandingkan prestasi keseluruhan Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia dengan prestasi perkhidmatan boleh disampaikan secara digital bagi tahun 2025. Artikel ini turut meneliti komposisi perkhidmatan digital serta mengenal pasti negara rakan dagang utama yang menyumbang kepada eksport dan import perkhidmatan digital Malaysia.

2. Metodologi

Artikel ini berdasarkan Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia (SITS) yang meliputi tempoh 2019 hingga 2025. Jadual 1, 3 dan 5 digunakan untuk mengukur eksport, import dan imbalan perdagangan perkhidmatan mengikut komponen. Sementara itu, Jadual 13 dan 14 digunakan untuk menganalisis agihan eksport dan import perkhidmatan mengikut negara rakan dagang pada tahun 2025.

Pengukuran yang digunakan adalah berdasarkan konsep perkhidmatan boleh disampaikan secara digital, iaitu komponen perkhidmatan yang secara amnya boleh dibekalkan melalui rangkaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). perkhidmatan boleh disampaikan secara digital merangkumi:

- (i) Perkhidmatan Telekomunikasi, Komputer dan Maklumat;
- (ii) Perkhidmatan Perniagaan Lain;
- (iii) Perkhidmatan Kewangan;
- (iv) Caj Penggunaan Harta Intelek;
- (v) Perkhidmatan Insurans dan Pencen; dan
- (vi) Perkhidmatan Persendirian, Kebudayaan dan Rekreasi.

Kategori perkhidmatan yang dipilih memberikan gambaran mengenai potensi saiz perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital di Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak semua transaksi dalam kategori tersebut semestinya dibekalkan melalui saluran digital. Oleh itu, statistik tersebut hendaklah ditafsirkan sebagai anggaran bagi perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital dan bukannya ukuran langsung perkhidmatan yang dihantar secara digital.


Bagi analisis mengikut negara rakan dagang, jadual 13 dan 14 mengenal pasti Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat; Perkhidmatan perniagaan lain; serta Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi. Walau bagaimanapun, Perkhidmatan kewangan, Perkhidmatan insurans dan pencen serta Caj penggunaan harta intelek dilaporkan di bawah kategori yang lebih luas, iaitu Perkhidmatan lain. Oleh itu, perkhidmatan digital mengikut negara rakan dagang dianggarkan sebagai gabungan Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat; Perkhidmatan perniagaan lain; serta Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi, serta Perkhidmatan lain. Pendekatan ini menyediakan proksi yang praktikal bagi mengukur perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital merentas sempadan berdasarkan data negara rakan dagang yang tersedia.

3. Hasil Kajian

Jumlah eksport perkhidmatan Malaysia meningkat kepada RM277.9 bilion pada tahun 2025 berbanding RM240.5 bilion pada tahun 2024 dan RM170.2 bilion pada tahun 2019 (**Carta 1**). Import perkhidmatan turut meningkat kepada RM272.6 bilion pada tahun 2025 berbanding RM253.1 bilion pada tahun 2024. Memandangkan pertumbuhan eksport mengatasi pertumbuhan import, imbalan perdagangan perkhidmatan bertambah baik dengan mencatatkan lebih sebanyak RM5.3 bilion pada tahun 2025.


Perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital berkembang dengan kukuh sepanjang tempoh tersebut, meningkat daripada RM49.1 bilion pada tahun 2019 kepada RM92.2 bilion pada tahun 2025. Berbanding tahun 2024, eksport perkhidmatan ini berkembang sebanyak 21.5 peratus, mengatasi kadar pertumbuhan keseluruhan eksport perkhidmatan yang mencatatkan peningkatan sebanyak 15.6 peratus. Pada masa yang sama, import perkhidmatan digital meningkat daripada RM72.6 bilion pada tahun 2019 kepada RM119.9 bilion pada tahun 2025, menunjukkan permintaan domestik yang berterusan terhadap teknologi asing, harta intelek, perkhidmatan sokongan perniagaan serta perkhidmatan profesional.

Carta 1: Malaysia: Jumlah Perdagangan Perkhidmatan dan Perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital (DDS), 2019–2025




Pada tahun 2025, eksport perkhidmatan digital menyumbang 33.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport perkhidmatan, manakala import perkhidmatan tersebut merangkumi 44.0 peratus daripada jumlah keseluruhan import perkhidmatan (**Carta 2**). Sumbangan import kekal lebih tinggi daripada eksport, menunjukkan perdagangan perkhidmatan digital lebih berintensifkan import berbanding eksport. Walau bagaimanapun, defisit perdagangan perkhidmatan digital semakin menurun kepada RM27.7 bilion pada 2025 berbanding RM34.4 bilion pada 2024.

Carta 2: Malaysia: Sumbangan Perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital (DDS) kepada Perdagangan Perkhidmatan, 2019–2025




Pada peringkat komponen, perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital (DDS) pada tahun 2025 didominasi oleh Perkhidmatan perniagaan lain serta Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat, yang secara bersama menyumbang 87.4 peratus daripada eksport dan 73.6 peratus daripada import. Perkhidmatan perniagaan lain merupakan komponen terbesar dengan sumbangan sebanyak 53.8 peratus kepada DDS eksport dan 49.7 peratus kepada DDS import, walaupun mencatatkan defisit berjumlah RM10.0 bilion. Sementara itu, Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat adalah komponen kedua terbesar yang merupakan kategori utama yang merekodkan lebih perdagangan yang ketara (RM2.3 bilion), mencerminkan kekuatan Malaysia dalam perkhidmatan berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Defisit yang tinggi turut direkodkan bagi Caj bagi Penggunaan Harta Intelek (RM10.4 bilion) dan Perkhidmatan Insurans dan Pencen (RM9.4 bilion), yang menunjukkan kebergantungan berterusan terhadap harta intelek serta perkhidmatan kewangan khusus dari luar negara (**Carta 3**).

Carta 3: Eksport dan Import Perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital mengikut komponen, 2025




Dari perspektif hubungan dua hala, Singapura kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia bagi penyampaian perkhidmatan secara digital pada tahun 2025 dengan jumlah perdagangan sebanyak RM26.9 bilion, diikuti oleh Amerika Syarikat (RM15.8 bilion), Hong Kong (RM8.5 bilion), United Kingdom (RM6.2 bilion) dan China (RM3.6 bilion). Dalam kalangan rakan dagang utama, United Kingdom mencatatkan intensiti digital tertinggi, dengan penyampaian perkhidmatan secara digital menyumbang 52.9 peratus daripada jumlah perdagangan perkhidmatan dua hala, diikuti oleh Hong Kong (49.5 peratus), Indonesia (46.4 peratus) dan Australia (45.5 peratus) (**Carta 4**).

Carta 4: 10 Rakan Dagang Eksport Utama untuk Perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital (DDS), 2025




Sementara itu, Amerika Syarikat merupakan pengimport terbesar Malaysia bagi perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital pada tahun 2025, dengan nilai import berjumlah RM32.9 bilion yang merangkumi 40.5 peratus daripada jumlah import perkhidmatan dua hala. Singapura berada di kedudukan kedua dengan RM21.1 bilion, diikuti oleh China (RM6.9 bilion), Hong Kong (RM6.8 bilion) dan United Kingdom (RM6.8 bilion). Perkhidmatan Perniagaan Lain merupakan komponen terbesar bagi import perkhidmatan digital untuk kebanyakan rakan dagang utama, khususnya Amerika Syarikat dan United Kingdom. Dalam kalangan rakan import utama, Belanda mencatatkan intensiti digital tertinggi dengan sumbangan perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital sebanyak 75.8 peratus daripada jumlah import perkhidmatan, diikuti oleh China (52.8 peratus) dan Ireland (52.5 peratus). (**Carta 5**).

Carta 5: 10 Rakan Dagang Import Utama untuk Perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital (DDS), 2025



Secara keseluruhan, ASEAN terus menjadi pasaran serantau yang penting bagi perdagangan perkhidmatan digital Malaysia. Pada tahun 2025, eksport perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital ke negara-negara ASEAN berjumlah RM33.2 bilion, manakala import mencatatkan RM26.8 bilion (**Carta 6**). Imbangan perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital dalam ASEAN merekodkan lebih sebanyak RM6.4 bilion berdasarkan pendekatan proksi negara rakan dagang, sekali gus menunjukkan kepentingan integrasi serantau dalam pembangunan ekonomi digital. Pada masa yang sama, Asia secara keseluruhannya kekal sebagai pasaran digital serantau terbesar Malaysia dengan eksport perkhidmatan digital berjumlah RM53.8 bilion dan import sebanyak RM59.4 bilion.

Carta 6: Perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital (DDS) mengikut Wilayah Terpilih, 2025



4. Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perdagangan perkhidmatan Malaysia sedang mengalami transformasi dalam dua dimensi. Perkhidmatan tradisional seperti perjalanan dan pengangkutan kekal penting, khususnya dalam menyumbang kepada penambahbaikanimbangan perdagangan perkhidmatan secara keseluruhan. Pada masa yang sama, perdagangan perkhidmatan boleh disampaikan secara digital (DDS) telah muncul sebagai penyumbang struktur yang signifikan kepada eksport dan import perkhidmatan Malaysia. Prestasi kukuh Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat pada tahun 2025 menunjukkan peningkatan kepentingan perkhidmatan komputer, perkhidmatan maklumat, platform digital, aktiviti berkaitan pengkomputeran awan serta penyelesaian berasaskan data.

Salah satu faktor yang menyokong perkembangan perkhidmatan digital Malaysia ialah pertumbuhan pesat pusat data dan infrastruktur pengkomputeran awan. Walaupun pusat data tidak diklasifikasikan sebagai komponen berasingan dalam kerangka Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa (SITS), kemudahan tersebut menyediakan infrastruktur asas yang penting bagi perkhidmatan pengkomputeran awan, penyimpanan data, pengehosan perisian, aplikasi kecerdasan buatan, perkhidmatan keselamatan siber serta aktiviti platform digital. Aktiviti-aktiviti ini sebahagian besarnya direkodkan di bawah Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat serta beberapa kategori terpilih dalam Perkhidmatan perniagaan lain.

Analisis mengikut negara rakan dagang mengesahkan bahawa tumpuan perdagangan DDS dalam kalangan ekonomi maju dan rakan dagang serantau mencerminkan tahap integrasi Malaysia yang kukuh dalam rangkaian digital global dan serantau. Amerika Syarikat kekal sebagai rakan dagang yang penting, didorong oleh pertukaran yang meluas dalam bidang perisian, pengkomputeran awan, harta intelek dan perkhidmatan perniagaan berteknologi tinggi. Kedudukan dominan Singapura dalam eksport dan import pula mencerminkan hubungan perniagaan yang erat, tahap

